

## IKLAN JAWATAN KOSONG PEREKA GRED B29

### **INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH**

1. (a) Jawatan : Pereka
  - (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia
  - (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Bakat Dan Seni (B)
  - (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Bersepadu
  - (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/Diploma
  - (f) Gred : B29
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)
- | Gred Gaji | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kadar Kenaikan Gaji Tahunan |
|-----------|--------------|---------------|-----------------------------|
| B29       | 1,499.00     | 5,679.00      | 145.00                      |
- Imbuhan Tetap : Khidmat Awam : RM 160.00  
Perumahan : RM 300.00
3. Syarat Lantikan :
    1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
    - a) Warganegara Malaysia;
    - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**c) KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B29 :**

Kelayakan Masuk : (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

Gaji Permulaan : Gred B29: RM1,499.00

**ATAU**

Kelayakan Masuk : (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

Gaji Permulaan : Gred B29: RM1,499.00

## **ATAU**

Kelayakan Masuk : (iii) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred B29: RM1,777.78

## **DAN**

Syarat Lantikan Tambahan : Lulus Ujian Khas.

Syarat Bahasa Melayu : Calon yang memiliki kelayakan di perkara 3.1 (c) (ii) atau 3.1 (c) (iii), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 4. Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak
- 5. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja reka bentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen Universiti/PTJ dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan seni dalam usaha memasarkan maklumat dan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat. Bertanggungjawab dalam mencipta rekaan untuk persempahan dan props produksi. Menyelaras, merancang, menyedia reka bentuk bahan-bahan penerbitan dan trofi. Bertanggungjawab memastikan pentas persempahan, persiapan upacara sambutan ketibaan tetamu serta menyelaras bahan promosi ke negeri-negeri, di majalah, radio dan sidang media.

### **Khusus**

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat TanggungJawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia.

## **PENDAFTAR**